

# [ANALYSIS OF ECONOMIC RESOURCES IN THE ERA OF THE REIGN OF RASULULLAH SAW IN MEDINA]

## ANALISIS SUMBER EKONOMI PADA ERA PEMERINTAHAN RASULULLAH SAW DI MADINAH

*Kamal Faezi Mahzir*

kamalfaezi@yahoo.com (Corresponding Author)

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Ermy Azziaty Rozali*

ermy@ukm.edu.my

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

### **Abstract**

Every ruler or government needs sources of income to govern, maintain political power, develop the economy and create social well-being. Even the budget in governance is determined based on the income earned in a certain period of time. Discussions that have arisen since the previous government were on limited economic resources, systematic collection system, fund management for economic development as well as fair and equitable distribution of wealth. In this case, Islam lays down the basis of administration and principles that must be adhered to by each government, even the economic resources collected according to Islamic law. Thus, this article aims to discuss the economic resources obtained during the reign of Rasulullah SAW in Medina and the management of economic resources carried out by him has been a guide to the government of the country today. This writing uses the methods of content analysis and literature review. The need for thorough and detailed research is required from the data obtained, collected and will be analyzed to achieve the objectives based on the aspects studied. The results show that Islamic law guidance, namely the Qur'an and Sunnah and his rule as an example, can be catalysts for the growth of the economic sector, social justice and equality in the distribution of wealth.

**Keywords:** *economic resources, economic management, Rasulullah SAW*

### **Abstrak**

Setiap pemerintah atau kerajaan memerlukan sumber pendapatan untuk menjalankan tadbir urus, mengekalkan penguasaan politik, membangunkan ekonomi dan mewujudkan kesejahteraan sosial. Malahan belanjawan dalam urus tadbir ditentukan berdasar pendapatan yang diperoleh dalam suatu tempoh jangka masa tertentu. Perbincangan yang telah timbul sejak pemerintahan kerajaan terdahulu adalah mengenai sumber ekonomi yang terhad, sistem kutipan secara bersistematik, pengurusan dana untuk pembangunan ekonomi serta pengagihan kekayaan secara adil dan saksama. Dalam hal ini, Islam meletakkan asas pentadbiran serta prinsip yang perlu dipatuhi oleh setiap pemerintah, malahan sumber-sumber ekonomi yang dipungut haruslah bertepatan dengan syariat Islam. Justeru, penulisan ini bertujuan membincangkan sumber-sumber ekonomi yang diperoleh pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW di Madinah kerana pengurusan sumber ekonomi yang dijalankan oleh baginda telah menjadi panduan kepada pemerintahan negara pada hari ini. Penulisan ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan. Keperluan terhadap penelitian secara menyeluruh dan terperinci dikehendaki daripada data yang diperoleh, dikumpulkan dan akan dianalisis sehingga mencapai objektif berdasarkan kepada aspek yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa berpandukan kepada syariat Islam iaitu al-Qur'an dan Sunnah serta pemerintahan baginda sebagai contoh teladan, boleh menjadi pemangkin

kepada pertumbuhan sektor ekonomi, keadilan sosial dan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan.

**Keyword:** *Islam, international relations, anarchy, cooperation-economic exploitation, agent-structure*

*Article Received:*  
20 January 2020

*Article Reviewed:*  
11 May 2020

*Article Published:*  
30 November 2020

## PENGENALAN

Setiap kerajaan atau pemerintah memerlukan dana atau sumber pendapatan untuk mentadbir negara, meningkatkan ekonomi, mencapai kesejahteraan sosial yang lebih baik dan menuju kemajuan. Sumber dana yang diperoleh amat penting bagi tujuan tadbir urus, malahan dana ekonomi yang diperoleh dari pelbagai sumber amat penting bagi memberi kemudahan dan kemakmuran kepada rakyat di bawah naungan pemerintah (Normadiah, 2009: 127).

Hubungan antara pengurusan sumber dan pembangunan ekonomi ada dibincangkan oleh Monzer Kahf (2015: 16). Menurutnya, pembangunan ekonomi yang baik bermaksud wujudnya penggunaan sumber secara efisien, iaitu mampu meningkatkan pengeluaran daripada faktor pengeluaran yang ada. Sumber ekonomi sesebuah negara pula umumnya adalah terhad sehingga memberi kesan ke atas penawaran yang tidak cukup bagi menampung permintaan yang tinggi dalam masyarakat. Oleh itu, perlunya sumber ekonomi dikutip secara efisien serta optimumkan penggunaan sumber tersebut untuk pengeluaran agar tiada unsur kezaliman terhadap manusia dan alam sekitar.

Sekiranya pemerintah Rasulullah SAW di Madinah dirujuk kembali, baginda sebagai pemerintah juga memberi tumpuan kepada pengumpulan sumber kekayaan. Aspek ekonomi yang diterapkan oleh baginda menekankan aspek keadilan dan kebajikan di samping mementingkan kutipan ekonomi secara berterusan agar menjadi teras pembangunan Madinah serta sebagai tunjang perkembangan Islam. Selain itu, pengurusan sumber ekonomi yang cekap juga penting dalam menonjolkan keupayaan Islam memimpin atau memerintah kepada wilayah-wilayah yang berdekatan Madinah. Kecekapan tadbir urus terutamanya dalam aspek ekonomi dan pengurusan sumber sehingga pada hari ini terus dikaji untuk meningkatkan kecekapan menguruskan ekonomi negara. Sehingga para pengkaji turut menyentuh tentang pengurusan sumber ekonomi menurut Islam yang mula diaplikasikan oleh Rasulullah SAW kerana wujudnya institusi baitulmal dalam pemerintahan kerajaan Islam yang mampu menguruskan sumber ekonomi dan pengagihan kekayaan dengan baik.

## PENGURUSAN EKONOMI OLEH RASULULLAH SAW

Syariat Islam yang berpandukan al-Qur'an adalah asas pemerintahan Rasulullah SAW bagi memacu setiap perkara yang menyentuh perihal muamalat. Dustur atau undang-undang yang dinukilkan di dalam al-Qur'an menjadi panduan kepada pemerintah untuk menjaga kemaslahatan sosial dan mewujudkan kesaksamaan ekonomi (Adel & Nidzamuddin, 2011: 233). Di samping itu, pentingnya pengurusan sumber secara adil, seimbang dan saksama melalui agihan kekayaan sehingga diturunkan ayat al-Qur'an secara khusus berdasarkan peristiwa tertentu. Aspek keadilan yang ditekankan oleh baginda dalam tadbir urus juga melihat kepada pelbagai aspek seperti kesaksamaan agihan kekayaan, hak pemilikan individu, dan keharmonian sosial dalam masyarakat.

Sirah Rasulullah SAW dalam lipatan sejarah merakamkan bahawa baginda telah berperanan mentadbir ekonomi Madinah dengan baik. Selain menekankan pengurusan sumber dan agihan kekayaan secara cekap, kepelbagaian sektor ekonomi seperti sektor perindustrian, pembuatan, penternakan dan perdagangan di Madinah penting untuk diuruskan dengan baik mengikut acuan Islam. Pembangunan sektor ekonomi dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah menitik beratkan kepentingan sosial, melindungi kehidupan generasi para sahabat serta umat Islam, meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi mereka dalam memacu ketamadunan insan yang cemerlang (Adel & Nidzamuddin, 2011: 212).

Apabila membincangkan tentang pengurusan ekonomi, ianya melibatkan banyak aspek penting yang perlu diuruskan dengan baik iaitu penggunaan sumber yang terhad, pengeluaran secara optimum serta pengagihan kekayaan yang adil. Oleh itu, Rasulullah SAW menyedari bahawa peranan utama pemerintah adalah memastikan berlakunya keadilan dan kesaksamaan iaitu memastikan setiap individu dalam masyarakat menerima hak mereka (Asvat, 2011: 46). Justeru, objektif penting dalam pengurusan sumber ekonomi adalah kecekapan menguruskan permintaan dan penawaran ekonomi serta memastikan pengagihan kekayaan kepada setiap individu berlaku dengan baik agar cukup keperluan asasi mereka seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal.

Seterusnya, melihat kepada aspek pentadbiran ekonomi, sistem atau jabatan yang melibatkan kewangan Madinah ketika itu masih belum diuruskan sepenuhnya secara bersistematik. Masalah utama yang boleh dilihat adalah belum ada pengurusan ekonomi secara berpusat seperti baitulmal. Menurut Hailani (2007: 14-15), institusi baitulmal pada awal kedatangan Islam tidak begitu menonjol kepentingannya disebabkan sumber hasil pendapatan Madinah yang tidak begitu banyak dan rumit pengurusannya. Sumber-sumber pendapatan Madinah pada zaman Rasulullah SAW umumnya dibahagi-bahagikan dengan segera dan diberi tanpa bertanggung kepada mereka yang berhak menerimanya (al-Jahshiyari, 1938: 12). Beliau menjelaskan lebih lanjut mengenai institusi baitulmal ketika itu adalah dipengaruhi oleh dasar belanjawan yang mementingkan keseimbangan iaitu sebanyak mana kekayaan dikutip, maka sebanyak itu juga ianya diagihkan. Hal ini membawa maksud bahawa institusi baitulmal ketika itu berada pada tahap yang mudah, sederhana dan tidak rumit pengurusannya.

Perkara penting yang ditekankan adalah sumber-sumber ekonomi dan kaedah pengagihan yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW menjadi asas pembentukan dan sistem yang terdapat dalam institusi baitulmal. Hal ini merujuk kepada definisi baitulmal yang merupakan institusi harta dan kewangan induk dalam negara Islam. Institusi ini menerima sumber kekayaan dari kutipan zakat, cukai, wakaf, khairat dan kebajikan. Harta yang terkumpul pada umumnya digunakan untuk kepentingan masyarakat dan negara (Hailani, 2007: 12).

## **SUMBER EKONOMI DI MADINAH**

Umumnya, aktiviti ekonomi yang dijalankan atau jenis barangan yang dihasilkan dari sesebuah negara atau wilayah adalah terdiri daripada beberapa faktor utama. Antara faktor utama yang menentukan aktiviti ekonomi oleh masyarakat tempatan adalah sumber-sumber kekayaan hasil bumi yang terdapat di wilayah tersebut serta faktor geografi seperti iklim, bentuk muka bumi serta kehidupan flora dan fauna. Aktiviti ekonomi dan penghasilan barangan yang berbeza dari berbagai wilayah akhirnya mempertingkatkan ketamadunan manusia dan melengkapinya antara satu sama lain.

Sumber-sumber pendapatan di Madinah secara umumnya boleh dibahagikan kepada sumber pendapatan utama dan sumber pendapatan sampingan. Pengelasan ini merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperolehi serta kesannya kepada pembangunan ekonomi Madinah. Antara sumber ekonomi utama yang menjadi teras

kekayaan Madinah adalah kutipan zakat. Hasil pungutan pelbagai jenis zakat, di samping *ghanimah*, *fay'*, kharaj dan jizyah secara umumnya adalah sumber utama kepada kekayaan baitulmal. Sumber-sumber ini telah menampung sebahagian besar keperluan pemerintahan Islam ketika itu yang berpusat di Madinah, menampung aktiviti dakwah Islamiah dan menampung keperluan masyarakat tempatan (Hisham & Zulkifli 2006).

### **Sumber Pendapatan Utama**

Setiap negara atau wilayah mempunyai sumber pendapatan yang berbeza disebabkan beberapa faktor utama terutamanya dipengaruhi faktor geografi. Adat, budaya dan agama pula menentukan corak dan bagaimana sektor ekonomi dijalankan. Pungutan hasil yang banyak, berterusan serta mampu memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara boleh dianggap sebagai sumber pendapatan utama. Antaranya adalah,

### ***Sumber asli atau bahan mentah***

Sumber Asli atau bahan mentah yang terdapat di sesuatu tempat merupakan hasil kekayaan bumi yang merangkumi bahan-bahan galian (emas, perak, logam-logam yang bernilai tinggi dan mata air) serta tumbuhan atau haiwan yang melata di atas permukaan bumi. Faktor geografi dan iklim Tanah Arab yang panas, kering serta permukaan yang berbatu menjadi faktor penting kepada jenis pertanian dan penternakan yang dijalankan oleh masyarakat Arab. Sebahagian besar penduduk Madinah menjalankan aktiviti pertanian dan perladangan. Antara hasil tanaman utama adalah tamar dan anggur malahan terdapat hadis yang menceritakan tentang kekayaan hasil tanaman kurma di Madinah iaitu, "Sesungguhnya Abu Talhah mempunyai kebun tamar terbesar dalam kalangan Ansar di Madinah, dan dia berharga atas segala kekayaannya (kebunnya) Bayraha, yang berhampiran dengan masjid (al-Nabawi)" (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Wasaya, Bab Idha Waqaf Ard wa lam Yubayyin al-Hudud Fahuwa Ja'iz wa Kadhalik al-Sadaqah, hadis no. 2769).

Di samping itu, pertanian lain yang turut popular seperti barli, gandum, sayur-sayuran dan buah-buahan menjadi pertanian utama masyarakat tempatan. Ringkasnya, Yathrib sebelum hijrah telah menjadi tanah pertanian yang telah lama diusahakan terutamanya dalam sektor penanaman kurma hingga berjaya menjadikan Yathrib sebagai lokasi pertanian yang produktif dan bermutu berserta teknik pertanian yang berkualiti (al-Nadawi, 1996: 187). Malahan kedudukan Yathrib yang strategik iaitu berada di tengah-tengah laluan perdagangan yang menghubungkan antara Makkah dan Syam menjadi suatu kelebihan sehinggakan sumber asli dan bahan mentah seperti ini dijadikan sebagai aktiviti ekonomi oleh penduduk Madinah dengan berniaga dan menyediakan perkhidmatan tempat tinggal kepada para pedagang.

### ***Zakat***

Sumber hasil utama bagi negara Islam adalah zakat yang juga merupakan salah satu rukun Islam yang lima. Ia merupakan cukai ke atas orang kaya dan berkemampuan dengan tujuan mewujudkan keadilan sosial kepada semua rakyat. Perkara ini jelas berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Beritahulah mereka bahawa Allah mewajibkan zakat ke atas mereka yang diambil daripada golongan yang kaya dan diberikan kepada yang fakir di kalangan mereka" (al-Muslim, *Sahih al-Muslim*, Kitab al-Iman, Bab al-Du'a ila al-Shahadatayn wa Shara'i' al-Islam, hadis no. 19).

Sumber pendapatan zakat datang dari pelbagai punca pendapatan seperti kekayaan yang disimpan beku, hasil pertanian, ternakan, emas dan sebagainya. Semua harta atau benda yang dikenakan cukai apabila ia mencapai nilai minimum tertentu yang dipanggil nisab yang berbeza kadarnya bagi setiap barang (Mannan, 2007: 190-191). Di dalam al-Qur'an contohnya, nisab zakat pertanian dikira apabila mereka memperoleh hasil tanaman. Firman Allah SWT yang bermaksud,

Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebon yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah daripada buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau (al-Qur'an, al-An'am 6:141).

Bentuk harta yang wajib dikenakan zakat pada dasarnya boleh dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Jenis harta yang wajib dikenakan zakat adalah seperti *al-mashiya* (zakat ternakan), *al-'ayn* (emas, perak, dan syiling), *al-harth* (zakat tanaman atau hasil pertanian), *al-rikaz* (harta karun) di samping barangan dan madu (Siddiqi, 1984). Ibn Hazm telah berpandangan bahawa zakat hanya diwajibkan ke atas lapan jenis harta yang pernah dikutip zakatnya oleh Rasulullah SAW. Dalam kitab *al-Muhalla*, beliau menyebut bahawa jenis harta tersebut adalah unta, lembu, kambing, gandum, biji gandum, kurma, perak dan emas. Bahkan Ibn Hazm berpendapat anggur kering pun tidak diwajibkan zakat kerana hadisnya tidak sahih (Ahmad Shahir & Adibah, 2010). Kutipan-kutipan zakat ini pada dasarnya adalah sumber utama dalam kumpulan harta baitulmal (Hailani, 2007: 27).

Perkara yang menarik tentang zakat yang ditetapkan oleh syariat adalah meletakkan keadilan dan kebajikan terhadap individu sehingga dapat dilihat dalam penentuan nisab zakat yang ditentukan. Sebagai contoh, terdapat hadis yang menerangkan tentang kadar pengeluaran zakat pertanian sebanyak 5% atau 10% berdasarkan kaedah pengairan yang digunakan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Tanaman yang diairi oleh hujan, sungai-sungai dan mata air atau yang mendapat air dari saluran (atau melalui akarnya) hendaklah dikeluarkan (zakatnya) sepersepuluh (1/10). Tanaman yang diairi dengan unta pengangkut air atau dengan menimba, hendaklah dikeluarkan seperdua puluh (1/20)" (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Zakat, Bab al-'Ushr fi ma Yusqa min Ma'i al-Sama' wa bi al-Ma'i al-Jari, hadis no. 1483).

Mohd Shukri dan Zahri (2017: 41) menjelaskan maksud hadis ini dengan menyatakan kadar 10% dikenakan jika pengairan tanaman yang sampai ke ladang tidak melibatkan modal yang banyak, kerja yang berat atau sistem pengairan yang mudah dilakukan. Manakala zakat pada kadar 5% dikenakan jika tanaman diairi dengan bantuan binatang, kincir air, jentera dan alat bantuan pengairan yang digunakan. Secara mudah dijelaskan bahawa nisab zakat yang ditentukan oleh Rasulullah SAW ini adalah berdasarkan pada beban pengairan tanaman atau tahap kesukaran petani menguruskan tanaman mereka (al-Buhuti, 1999:274). Justeru, ketetapan yang dibuat ini merupakan ciri-ciri keadilan dan kebajikan yang ditonjolkan oleh baginda agar zakat yang dikutip adalah tidak membebankan.

Kutipan zakat adalah penting untuk menjamin kestabilan ekonomi serta membantu pembangunan ekonomi negara (Zainol & Kamil, 2009: 32-33). Taraf ekonomi yang berkembang dengan baik tidak hanya melihat kepada perkembangan ekonomi dan keutuhan nilai mata wang, tetapi juga berkaitan dengan pembasmian kemiskinan rakyat

secara menyeluruh. Justeru, zakat amat penting pada institusi baitulmal kerana peranannya sebagai mekanisme jaminan sosial pemerintah terhadap rakyat dalam sesebuah negara. Hal ini kerana zakat dipungut daripada lebih harta dan hasil pendapatan masyarakat yang berkemampuan untuk diagihkan kepada asnaf yang layak menerima. Jaminan sosial ini penting untuk memenuhi asas keperluan individu serta mencapai matlamat maqasid syariah yang sebenar sehingga mencapai suatu tingkat hidup yang lebih baik (Hailani, 2007: 27).

Pada zaman Rasulullah S.A.W, aktiviti kutipan dan pengagihan zakat ini amat penting sehinggakan baginda melantik pegawai-pegawai khas pemungut zakat dari kalangan umat Islam. Pelantikan mereka ini bagi memastikan sistem pungutan dan agihan yang sistematik dan telus (Ahmad Ilyas, 2001: 190). Baginda memberi panduan secara terperinci dan bertulis kepada mereka kerana zakat yang dipungut merangkumi pelbagai perbahasan penting. Tambahan pula, kutipan zakat telah menjadi teras yang pertama kepada sistem fiskal ekonomi Islam (Monzer 2015: 215).

### **Ghanimah**

Ghanimah adalah perkataan Arab yang bermaksud harta rampasan perang yang diperoleh berdasarkan beberapa situasi iaitu melalui ekspedisi (*sarayah*) atau peperangan. Menurut Hailani (2007: 38), harta ghanimah dapat dibahagikan kepada harta tidak alih (*al-'aqar*) seperti tanah dan bangunan dan harta alih (*al-manqul*) seperti alatan, persenjataan, haiwan ternakan, harta dagangan dan tawanan perang.

Hasil *ghanimah* yang pertama diperoleh melalui *sarayah* Abdullah bin Jahsyi seterusnya diperoleh hasil kemenangan tentera Islam dalam Perang Badar. Kemenangan dalam peperangan ini menjadi salah satu sumber ekonomi penting apabila tentera Islam memperoleh pendapatan dari harta rampasan perang serta tebusan tawanan perang. Seterusnya, tentera Islam juga memperoleh *ghanimah* harta Yahudi Bani Qaynuqa'. Peristiwa ini tercatat pada bulan Syawal tahun ke-2H iaitu setelah berlakunya Perang Badar kerana berlaku pengkhianatan oleh mereka terhadap perjanjian dengan Rasulullah S.A.W. Pengepungan yang berterusan selama 15 hari berakhir dengan pengusiran golongan tersebut untuk keluar dari Madinah berserta syarat meninggalkan harta-harta mereka. Harta *ghanimah* tersebut telah diagihkan oleh Rasulullah S.A.W, iaitu baginda mengambil satu perlima (1/5) *ghanimah* berserta tiga busur panah, dua baju besi, tiga bilah pedang dan tiga batang tombak. Manakala *ghanimah* yang selebihnya ditugaskan kepada Muhammad bin Maslamah untuk mengendalikan pengumpulan harta (Ibn Hisham, 1955: 47-49; al-Mubarakfuri, 2011: 347-348).

### **al-Fay'**

Menurut Hailani (2007: 38), harta *fay'* diperoleh kerajaan Islam daripada orang bukan Islam melalui jalan damai (*'afwan*). Sumber pendapatan yang diperoleh melalui harta *fay'* hampir sama konsepnya dengan *ghanimah*. Apa yang membezakannya adalah harta *ghanimah* diperoleh melalui ekspedisi atau peperangan manakala harta *fay'* pula merupakan harta rampasan yang diperoleh tanpa melalui peperangan.

Pentadbiran awal Islam di Madinah memperoleh sumber pendapatan melalui harta *fay'* yang merujuk kepada harta peninggalan Yahudi Bani Nadhir. Peristiwa yang berlaku pada bulan Rabiulawal tahun 4H ini berlaku susulan daripada pengkhianatan golongan Yahudi terhadap Rasulullah SAW dalam Perang Uhud. Tentera Islam mengepung tempat tinggal mereka selama enam malam. Terdapat juga pendapat mengatakan mereka dikepung selama 15 hari. Mereka kemudiannya menghantar utusan berjumpa baginda untuk menyatakan kesediaan meninggalkan Madinah dengan sukarela. Dalam peristiwa

ini, mereka hanya diizinkan membawa unta-unta dan barang bawaannya, manakala barang persenjataan pula perlu ditinggalkan. Antara barangan rampasan adalah senjata, rumah, harta benda dan tanah milik Bani Nadhir. Kuantiti senjata yang ditinggalkan merangkumi 50 baju besi, 50 topi besi dan 340 bilah pedang. Harta-harta yang ditinggalkan tersebut telah menjadi aset negara lalu diagihkan kepada masyarakat miskin (al-Mubarakfuri, 2011:436-437).

### ***al-Kharaj (Cukai Tanah)***

*al-Kharaj* adalah perkataan dari bahasa Arab yang bermaksud sewaan pekerjaan atau hasil pendapatan (Normadiah, 2009). Umumnya kharaj didefinisikan sebagai cukai yang dikutip dengan kadar tertentu dari hasil pendapatan tanah atau dari harta orang bukan Islam selepas berlakunya peperangan atau perjanjian damai (Abu Yusuf, 1952: 59).

Salah satu sumber kekayaan negara yang telah diamalkan oleh hampir seluruh pemerintahan di dunia sejak dahulu sehingga ke hari ini adalah melalui konsep percukaian. Kutipan cukai dilaksanakan dalam pelbagai bentuk yang dirasakan sesuai akan dikenakan kepada rakyat sebagai kutipan untuk hasil negara. Di Madinah, pelaksanaan Cukai kharaj telah dilaksanakan bermula pada zaman Rasulullah SAW lagi, namun ianya tidak dilaksanakan dengan meluas (Siddiqi, 1982; Normadiah, 2009: 127-128). Kutipan kharaj ini dikenakan ke atas pemilik-pemilik tanah sama ada mereka orang Islam atau sebaliknya. Hal ini kerana, *kharaj* adalah salah satu tanggungjawab mereka kepada negara yang juga merupakan imbalan kepada hak-hak keselamatan yang telah diberikan oleh pemerintah kepada mereka (Normadiah, 2009: 129).

Permulaan kutipan *al-kharaj* bermula di Khaibar pada tahun ke-7H apabila orang Yahudi memohon agar tanah-tanah yang ditawan oleh tentera Islam tetap menjadi milik mereka kerana kemahiran mereka dalam bidang pertanian. Permohonan mereka telah dipersetujui oleh Rasulullah SAW dengan syarat mereka hendaklah menyerahkan sebahagian dari hasil pertanian mereka sebagai cukai. Hasil yang perlu dibayar ini diperkenalkan sebagai kharaj oleh baginda (al-Mubarakfuri, 2011: 552; Mahmud & Muhammad, 1999: 44). Di samping itu, formula pembahagian tanah Khaibar juga diaplikasikan terhadap tanah *fadak* yang ditawan, iaitu penduduk tempatan bersetuju dengan terma dan syarat agar mereka masih dapat menguruskan tanah tersebut. Walaupun tanah yang ditawan telah diserahkan semula untuk diurus, namun status tanah tersebut adalah di bawah naungan wilayah Islam. Rasulullah SAW menerima separuh daripada hasil kedua-dua tanah tersebut (Kahf, 2015: 215-216).

Menurut Normadiah (2009: 133), Sistem kutipan hasil pertanian ini dinamakan sebagai *kharaj muqasamah* iaitu cukai yang dikenakan berasaskan hasil tanaman seperti satu perdua, satu pertiga, satu perempat, satu perlima atau satu perenam daripada jumlah hasil tanaman. Penentuan kadar cukai ini dibuat berdasarkan kepada beberapa asas bagi mengelakkan penganiayaan terhadap petani. Hal ini bertepatan dengan ajaran Islam yang mementingkan aspek keadilan dan kebajikan kepada semua pihak yang terlibat.

Perbincangan mengenai pelaksanaan kutipan serta syaratnya pula dibincangkan oleh Mohd Izhar Arif dan Alias (2010: 63). Penentuan kutipan *al-kharaj* adalah mengikut ketetapan ijtihad para mujtahid yang muktabar. Sistem pengutipan yang dilaksanakan terhadap penduduk terjadi pada dua keadaan yang berbeza, ianya adalah seperti berikut (al-Mawardi, 1989: 186),

1. Kutipan terhadap rakyat yang tergolong daripada umat Islam dan juga *ahl al-dhimmah*. Keadaan ini berlaku jika sesebuah negara telah dikosongkan oleh penduduknya (*ahl al-kuffar*) yang tidak mampu melawan kekuatan tentera Islam lalu mereka meninggalkan wilayah tersebut setelah ditawan oleh tentera Islam.

Dalam hal ini, penduduk Islam atau kafir *dhimmi* yang tinggal atau bermastautin di dalamnya harus dikenakan cukai yang dikenali sebagai *al-kharaj*.

2. Kutipan cukai ke atas orang-orang kafir yang telah bersetuju untuk berdamai dengan pemerintah Islam serta ingin terus kekal menetap di dalam negara asal tanpa mengosongkan atau keluar dari wilayah tersebut.

Berdasarkan penelitian al-Mawardi (1989) terhadap sejarah pengutipan *al-kharaj*, pembayaran cukai ini boleh dibahagikan kepada dua situasi berikut (Mohd Izhar Arif & Alias, 2010),

1. Pembayaran secara mutlak. Ia berlaku apabila masyarakat bukan Islam menyerahkan semua harta mereka kepada pemerintah Islam. Harta-harta tersebut diwartakan sebagai harta wakaf yang harus dipelihara oleh pemerintah tanpa dijual ataupun dimiliki oleh mana-mana pihak. Berdasarkan keadaan ini, mereka juga wajib membayar cukai kepada pemerintah sampai bila-bila walau selepas itu mereka memeluk agama Islam.
2. Pembayaran secara *mu'aqat*. Perkara ini berlaku apabila penduduk asal (*ahl al-kuffar*) *Dar al-'Ahdyyah* bersetuju berdamai dan taat pada arahan pemerintah Islam untuk membayar cukai. Persetujuan tersebut menjadikan mereka pemilik kekal kepada semua hak milik peribadi tanpa menyerahkannya kepada pemerintah Islam. Oleh itu, mereka hanya wajib membayar *kharaj* kepada negara Islam atau pemimpinnya selagi mana mereka beragama selain dari agama Islam. Namun sekiranya mereka memeluk agama Islam, mereka tidak lagi perlu membayar *al-kharaj* seperti sebelum pengislaman mereka.

### **Wakaf**

Perkataan wakaf berasal dari istilah arab, iaitu *waqf* (وقف). Dari segi bahasa, wakaf memberi makna berhenti (السكن), menegah (المنع) dan menahan (الحبس). Ulama fikah sepakat mentakrifkan wakaf mengikut istilah bahasa iaitu *al-habs* ertinya menahan; kerana perkataan *al-habs* itu lebih hampir kepada pengertian syarak (Asmak, 2009: 114). Dari segi syarak pula, wakaf bermaksud menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Harta yang diwakafkan hendaklah berada dalam keadaan yang baik, kekal dan tujuan melakukan wakaf adalah untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T serta memberi kebajikan kepada orang lain. Setelah melaksanakan wakaf, pewakaf tidak lagi mempunyai hak terhadap harta yang diwakafkan kerana (al-Sharbin, 1997: 485; Asmak, 2009: 115). Hal ini kerana, kepentingan harta tersebut ditahan dan manfaatnya hanya digunakan untuk ummah.

Pelaksanaan wakaf boleh berlaku dengan penyerahan mutlak sesuatu harta atau dengan penyerahan manfaatnya sahaja kepada pihak yang menerima wakaf. Penyerahan itu boleh dilakukan oleh tuan milik harta secara langsung kepada penerima wakaf atau boleh dilakukan melalui pihak tertentu yang dimaksudkan dengan penyerahan wakaf (Hailani, 2007: 56). Ibadat wakaf ini tidak diletakkan syarat yang ketat kerana syariat Islam itu sendiri amat menuntut umatnya untuk melaksanakannya di samping Rasulullah SAW turut menggalakkan para sahabat untuk berwakaf. Tambahan pula, pelaksanaan wakaf menjadi nadi penting pada pembangunan ekonomi serta kestabilan sosial masyarakat dalam sesebuah negara. Harta wakaf berpotensi besar untuk membangun dan menyuburkan ekonomi umat Islam dengan bermatlamatkan kebaikan dan kebajikan sekiranya diurus tadbir dengan baik. Peranan wakaf sebagai alat agihan kekayaan membantu menyediakan keperluan asas manusia seperti pendidikan, pusat kesihatan, tempat ibadat serta benda atau kemudahan yang boleh memberi manfaat kepada kebajikan manusia (Asmak, 2009: 133).



Menurut Mohiddin (2013: 25), sistem wakaf pada zaman Rasulullah SAW telah memberi impak kepada kemajuan ummah serta memainkan peranan penting dalam memajukan ummah dalam semua aspek sama ada dari aspek sosial, ekonomi, politik dan perundangan. Antara wakaf yang terawal dalam sejarah Islam telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W, iaitu dengan pembinaan Masjid Quba' (Syahnaz, 2016: 73). Masjid ini dibina ketika penghijrahan baginda pada tahun 622M. Kemudian, baginda membina masjid wakaf iaitu Masjid Nabawi apabila tiba di Madinah. Tujuan utama masjid dibangunkan adalah sebagai pusat wakaf untuk tujuan keagamaan, pusat pentadbiran dan pusat kebajikan.

Lanjutan daripada galakan melaksanakan wakaf oleh Rasulullah S.A.W, terdapat beberapa orang sahabat yang berkemampuan telah menyahut seruan tersebut. Antara wakaf penting adalah wakaf oleh Saidina 'Uthman ibn 'Affan. Beliau telah mewakafkan Telaga al-Rawmah yang menjadi sumber bekalan air utama umat Islam ketika itu berdasarkan kekangan yang dihadapi oleh mereka untuk mendapatkan bekalan air yang bersih bagi menjalani kehidupan seharian, penternakan haiwan dan pertanian (Asmak, 2009: 133). Selain itu, merujuk kepada penulisan Syahnaz (2016: 74), salah satu peristiwa mengenai wakaf adalah berdasarkan riwayat Imam Ahmad daripada Anas bin Malik yang berkata, maksudnya,

Abu Talhah adalah seseorang yang mempunyai harta paling banyak dalam kalangan orang Ansar di Madinah dan salah satu harta yang paling disayangnya ialah kebun Bayraha. Kadangkala Rasulullah SAW akan singgah ke kebun tersebut dan minum air yang segar di situ. Anas berkata ketika turun ayat "لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا حُبَبْتُمْ", Abu Talhah lantaran berkata: "Ya Rasulullah, tidak ragu lagi bahawa Bayraha adalah kebun kesayanganku berbanding hartaku yang lain, jadi aku mahu menyedekahkan ke jalan Allah S.W.T dan aku mengharapkan pahala daripada Allah S.W.T. Rasulullah bersabda: Syabas! ia adalah harta yang menguntungkan; ia harta yang menguntungkan. Aku telah mendengar apa yang engkau hajatkan, maka sedekahkanlah kepada saudara kamu (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Wasaya, Bab Idha Waqaf Ard wa lam Yubayyin al-Hudud Fahuwa Ja'izun wa Kadhalika al-Sadaqa, hadis no. 2769).

Berdasarkan kepada dua kisah yang dinyatakan, para sahabat menyedari bahawa pemberian yang berbentuk sedekah, wakaf dan hadiah mempunyai manfaat yang sangat besar terhadap kehidupan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, harta wakaf perlu dilihat sebagai satu sumber ekonomi terpendam umat Islam yang perlu dieksploitasi dengan sebaiknya bagi mendapatkan manfaat kepada masyarakat Islam (Mohiddin, 2013: 25).

### **Jizyah**

Jizyah adalah cukai kepala yang perlu dibayar oleh orang bukan Islam (*al-dhimmiyyin*) kepada kerajaan Islam bertujuan menjaga keselamatan nyawa dan harta benda mereka. *al-Dhimmiyyin* adalah golongan bukan Islam yang tinggal bersama-sama dengan masyarakat Islam di negara Islam dengan *'Aqd al-Dhimmah*. Pada mulanya mereka merupakan penduduk asal wilayah yang telah dibuka oleh umat Islam melalui peperangan ataupun perjanjian. Pemerintah Islam membenarkan mereka untuk kekal menetap di wilayah tersebut serta menjadi rakyat dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Di samping itu, mereka juga diwajibkan mematuhi segala arahan dan larangan yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah (Mohd Izhar Arif & Alias, 2010: 61).

Jizyah yang mula dilaksanakan pada pemerintahan Rasulullah SAW adalah selaras dengan keadilan sosial. Berdasarkan sejarah awal pemerintahan kerajaan Islam,

termaktub dalam piagam Madinah yang menurut Fasal 47 bahawa sesiapa yang tinggal di Madinah akan mendapat perlindungan Allah S.W.T dan Rasulullah SAW (Abdul Monir, 2003: 145-146). Hal ini bermaksud, setiap individu yang menetap di Madinah ketika itu wajib taat kepada pemerintahan baginda serta perlu membayar jizyah sebagai imbalan kepada keamanan diri mereka. Perkara ini turut dirakamkan di dalam al-Qur'an, firman Allah SWT yang bermaksud,

Perangilah orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar dari orang yang diberikan Kitab, sehingga mereka membayar Jizyah dengan taat dan merendah diri (al-Qur'an, al-Tawbah 9:29).

Berdasarkan ayat dalam Surah al-Tawbah di atas, jizyah dikenakan dengan tujuan sebagai jaminan keselamatan dan sosial yang baik dengan harapan hati mereka akan menjadi lembut seterusnya bersedia untuk menerima Islam (Zulkornain, 1994: 31). Pelaksanaan jizyah juga boleh dianggap sebagai salah satu dakwah yang menonjolkan toleransi Islam kepada manusia agar setiap manusia memperoleh hak mereka untuk hidup dengan aman. Di samping itu, pungutan jizyah ini tidak membawa mesej bahawa Islam mengenakan denda kepada individu atau masyarakat yang tidak menerima Islam namun sebagai taat setia mereka kepada pemerintah.

Sejarah kutipan jizyah ketika pemerintahan Rasulullah SAW dihuraikan oleh Monzer (2015: 219) yang menyatakan cukai ini mula dipungut untuk menjadi sumber pendapatan negara. Masyarakat kristian di Najran adalah kumpulan pertama yang perlu membayar Jizyah pada tahun ke-5H. Berikutnya tiga pilihan yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada masyarakat tempatan, mereka perlu memilih sama ada menerima Islam, membayar jizyah atau diperangi. Lantaran itu, jizyah tahunan berjumlah 2,000 pakaian telah dikenakan ke atas mereka. Kaedah pembayaran adalah bayaran secara sekali gus iaitu merangkumi 2 kali pembayaran dalam setahun (bulan kedua & ketujuh). Namun, kadar pembayaran jizyah ini boleh berubah mengikut peredaran zaman dengan berpandukan ijtihad para ulama. Kadar bayaran jizyah berbeza-beza mengikut kemampuan seseorang serta kadar tersebut mestilah mengikut nilai taraf hidup dan harga barangan dalam pasaran dalam satu jangka masa tertentu. Umumnya, orang kaya dikenakan kadar jizyah yang lebih tinggi berbanding individu yang berpendapatan rendah dan yang kurang mampu. Manakala bagi wanita, kanak-kanak, fakir miskin, orang tua, orang gila dan pesakit tidak dikenakan perlu membayar jizyah (Hailani 2007: 51).

### **Sumber Pendapatan Sampingan**

Pendapatan sampingan di sini bermaksud kutipan atau hasil yang diperoleh adalah dengan kadar yang kurang berbanding hasil pendapatan utama Madinah. Malahan sumber ini juga tidak diperoleh secara tetap atau berkala, namun diperoleh apabila berlaku sesuatu peristiwa. Antara sumber pendapatan sampingan yang berlaku pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW adalah,

### ***Wang tebusan tawanan perang***

Peperangan menyaksikan pertembungan antara dua pihak atau lebih yang menyebabkan manusia terkorban, harta yang ditinggal berselerakan serta tentera musuh yang ditangkap apabila tidak sempat melarikan diri dari medan perang. Peristiwa mengenai tawanan perang dalam Islam bermula selepas tamatnya Perang Badar, iaitu tentera Quraysh telah

kalah dan ramai yang ditawan. Ahli sejarawan berbeza pendapat mengenai bilangan tentera Quraysh yang ditawan, ramai yang menyatakan seramai 70 orang, namun al-Tabari pula menyatakan 44 orang. Setelah bermusyawarah dengan para sahabat, Rasulullah SAW akhirnya menetapkan wang tebusan sekitar 4000 dirham bagi setiap tawanan (al-Mubarakfuri, 2011). Pada situasi yang lain pula, baginda mengarahkan tebusan yang celik huruf untuk mengajar membaca sepuluh orang anak orang Islam sebagai tugas untuk mereka membebaskan diri dari tawanan. Perkara ini juga terjadi apabila tawanan tersebut miskin dan tidak mampu membayar wang tebusan yang diminta (Monzer, 2015: 211).

### ***Pinjaman atau hutang***

Terdapat catatan daripada buku sirah mengenai beberapa situasi mengenai Rasulullah SAW yang menjalankan aktiviti pinjaman awam. Baginda meminjam atas dasar untuk memenuhi keperluan awam tertentu seperti peminjaman dilakukan bagi pihak perbendaharaan negara, di samping baginda turut membuat pinjaman peribadi (Kahf, 2015: 220-221). Antara contoh yang boleh diceritakan adalah berdasarkan kisah ini (Ibn, Hisyam t.th: 491; Izzuddin, 2017: 152),

Diriwayatkan oleh Ibnu Ishaq dan diriwayatkan juga oleh Imam Ibnu Jarir serta Imam Ibnu Sayyid al-Nas bahawa Rasulullah SAW meminjam senjata-senjata dan baju besi daripada Safwan ibn Umayyah yang ketika itu masih musyrik dalam peperangan Hunain untuk menghadapi kekuatan tentera Hawazin dan Tsaqif yang tidak berpuas hati dengan penaklukan terhadap Kota Makkah dan bangsa Quraysh. Lalu Safwan bertanya, “Adakah Kamu ingin mengambilnya secara sukarela atau paksaan wahai Muhammad?” Nabi bersabda, “Tidak, tetapi secara pinjaman dan ianya akan dijamin sehingga kami memulangkan ianya semula kepada kamu”, lalu dia memberikan seratus baju besi dengan jumlah yang memadai daripada senjata.

### ***Infak harta oleh para sahabat***

Aspek ekonomi yang ditekankan oleh Rasulullah SAW ketika pemerintahan baginda di Madinah adalah aspek kebajikan. Sumbangan secara sukarela oleh para sahabat menjadi faktor penyumbang kepada sebahagian besar keperluan awam pada ketika itu kerana sumber kekayaan tidak mampu menampung permintaan masyarakat serta ketidakseimbangan ekonomi yang dikuasai oleh orang Yahudi. Antara sumbangan sukarela adalah seperti penyediaan makanan dan minuman kepada fakir miskin, peralatan dan alat-alat bantuan perang, pembinaan masjid, kemudahan kebajikan sosial (contohnya telaga *al-Rummah* yang dibeli oleh Saidina ‘Uthman daripada orang Yahudi) (Kahf, 2015: 215). Sumbangan sukarela ini diterapkan oleh Baginda agar harta kekayaan tidak hanya mengalir dalam kalangan golongan tertentu sahaja.

## **PENGURUSAN SUMBER EKONOMI MADINAH**

Institusi baitulmal boleh didefinisikan sebagai perkara yang berkaitan dengan peranan pemerintah dalam menguruskan harta negara yang dimiliki oleh semua warga di bawah naungan wilayah Islam. Khalifah sebagai ketua negara mesti menentukan dasar dan usaha pada dua perkara utama, iaitu mengumpul sumber pendapatan serta mengagihkan kekayaan tersebut (Hailani, 2007: 20). Menyentuh soal pengumpulan sumber kekayaan

Madinah, Rasulullah SAW meletakkan dasar-dasar Islam seperti yang terkandung di dalam al-Qur'an agar bertepatan dengan makna *rahmatan lil 'alamin*. Konsep ini telah dinyatakan dengan jelas dalam al-Qur'an melalui Surah al-Anbiya' 21:107 yang bermaksud, "Tidaklah Kami mengutuskan kamu wahai Muhammad melainkan sebagai rahmat kepada sekalian alam."

Justeru, sumber ekonomi yang dipungut pada zaman Rasulullah SAW mementingkan prinsip keadilan dan kebajikan seperti yang dituntut dalam Islam. Prinsip ini bukan sahaja menonjolkan rahmat agama Islam kepada seluruh umat manusia, malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi secara sihat dan berkeadilan. Berhubung dasar cukai dan penghasilan negara, Islam menetapkan prinsip keadilan, kesederhanaan, tanggungjawab berdasarkan keupayaan dan pengorbanan untuk kepentingan ramai. Hailani (2007: 130-131), telah membincangkan perkara ini secara ringkas,

1. Dalam prinsip keadilan, Islam tidak meletakkan tanggungjawab membayar cukai kepada suatu kumpulan tertentu sahaja kerana ianya boleh membebankan satu pihak, malahan menguntungkan pihak yang lain. Islam juga menghalang pemerintah menekan mana-mana pihak seperti rakyat yang miskin untuk membayar cukai setimpal dengan rakyat yang lebih kaya. Sebaliknya cukai yang dikenakan mestilah sesuai mengikut kelayakan dan kemampuan setiap individu atau kumpulan.
2. Dalam penentuan kadar cukai, Islam mengutamakan kesederhanaan. Beberapa perkara perlu diambil kira seperti jumlah modal yang dikeluarkan oleh pembayar cukai serta halangan dihadapi yang berada di luar kawalan mereka seperti bencana alam dan kemerosotan ekonomi. Maka, dalam hal ini penentuan kadar cukai mestilah dikaji semula agar kutipan cukai tidak membebankan pembayar.
3. Akhir sekali, Islam menuntut agar asas kebajikan perlu diterapkan dalam segala aspek. Hal ini bermaksud, ganjaran kepada pembayar cukai adalah mereka berhak menikmati kemudahan infrastruktur sosial serta mendapat ganjaran dan perlindungan daripada Allah SWT dan pemerintah di samping keselamatan nyawa, harta benda dan keluarga.

Lantaran itu, sumber ekonomi mestilah diuruskan dengan baik kerana ianya bukan sahaja berkaitan bagaimana sumber-sumber yang terhad digunakan untuk kemaslahatan ummah malah meliputi aspek pengagihan kekayaan. Penggunaan sumber yang terhad secara cekap dan optimum adalah matlamat yang sangat penting dalam sistem ekonomi Islam kerana ia dapat melaksanakan objektif kesejahteraan ekonomi (Joni, 2002: 73). Antara perkara penting mengenai pengurusan sumber adalah pengeluaran barangan mewah yang boleh meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi tetapi tidak menyumbang kepada kebajikan secara menyeluruh malah boleh menyebabkan berlaku ketegangan sosial dan penyuburan pertandingan ekonomi yang tidak sihat. Tambahan pula, pengeluaran barangan mewah turut membazirkan sumber-sumber yang boleh digunakan untuk memenuhi kehendak penting sebahagian besar penduduk. (Khurshid, 1980).

Pemerintah seharusnya mempertingkatkan usaha terhadap kebajikan ekonomi masyarakat melalui penggunaan sumber-sumber manusia dan material secara optimum bagi menghalang ketidakadilan dan pembaziran berlaku. Sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan, ia mampu menyumbang kepada kesejahteraan hidup dengan memenuhi segala keperluan asas manusia, menghalang daripada kepapaan serta memperbaiki mutu kehidupan manusia dari sudut material dan akhlak (Joni, 2002: 72). Hal ini seterusnya dapat mewujudkan persekitaran ekonomi yang berdaya saing dengan kemampuan setiap individu masyarakat menuju ke arah memakmurkan diri, keluarga dan masyarakat (Chapra, 1983: 28-29).

## KESIMPULAN

Pengurusan sumber ekonomi secara efisien merupakan satu perkara penting untuk memajukan ekonomi negara serta mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni. Perkara ini menjadi lebih genting apabila melibatkan konteks yang lebih pelbagai serta perlu menjaga hak semua individu dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Prinsip-prinsip asas dalam Islam seperti menegakkan keadilan dan menjaga kebajikan perlu dipegang erat oleh pemerintah kerana menguruskan ekonomi negara terutamanya hasil kekayaan negara adalah hak rakyat.

Jelas di sini bahawa sumber-sumber ekonomi adalah terhad untuk menampung semua permintaan manusia. Oleh itu, pentingnya melaksanakan kutipan atau pungutan hasil secara bersistematik agar hasil yang diperoleh kemudiannya dapat dikembangkan untuk pembangunan ekonomi dan keamanan sosial. Seterusnya, Rasulullah SAW amat mementingkan pelaksanaan kutipan sumber ekonomi dilakukan berteraskan syariat Islam, agar makna keadilan dan kebajikan dapat dicapai. Perkara ini akhirnya menjadikan amalan pengurusan ekonomi baginda diangkat sebagai tadbir urus yang baik dan perlu dicontohi.

## RUJUKAN

*al-Qur'an al-Karim.*

- Abu Yusuf, Ya'qub. (1952). *al-Kharaj*. Cet. 2. al-Qahirah: al-Matba' at al-Salafiyah.
- Adel M. Abdulaziz Algeriani & Nidzamuddin Zakaria. (2011). Metode Rasulullah S.A.W. dalam menghadapi cabaran krisis ekonomi di Madinah al-Munawwarah. *Ma'alim al-Qur'an wa al-Sunnah*. 6(7), 211-249.
- Ahmad Shahir Makhtar & Adibah Abdul Wahab. (2010). Pengurusan zakat di Negeri Selangor: Isu dan cabaran. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam*. 14 Julai, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, Khurshid. (1980). Economic development in Islamic framework. Dlm. Ahmad, Khurshid (pnyt.). *Studies in Islamic Economics*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Asvat, R. (2011). *Economic Justice and Sharia' in the Islamic State*. Melbourne: Madinah Press.
- al-Buhuti, Mansur ibn Yunus ibn Idris. (1999). *Kashf al-Qina'*. Jil. 2. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Hailani Muji Tahir. (2007). *Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hisham, S. & Zulkifli, H. (2006). Zakat: Instrumen penyumbang pembentukan usahawan. dalam Zamzuri Zakaria et. al., *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam*. UKM & KIPSAS.
- Husayn, Ahmad Ilyas. (2001). *Tarikh al-Ummah al-Islamiyyah*. Jil. 1. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Ibn Hisham, Abu Muhammad 'Abd al-Malik. (1955). *al-Sirah al-Nabawiyah*. Jil. 2. Cet. 2. Misr: Sharikat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Izzuddin Abdul Aziz, Ahmad Azrin Adnan & Nor Asmat Ismail. (2017). Fenomena keberhutangan di zaman Rasulullah. *Jurnal 'Ulwan*, 1, 143-177.
- al-Jahshiyari, Muhammad ibn Idrus. (1938). *al-Wuzara' wa al-Kuttab*. al-Qahirah: Tab'ah al-Kuttab.
- Joni Tamkin Borhan. (2002). Polisi kewangan menurut perspektif ekonomi Islam. *Jurnal Syariah*. 10(1), 71-88.

- Kahf, Monzer. (2015). *Islamic Economic Development, Policy and Public Finance and Sustainable Development*. California: Monzer Kahf.
- Mahmud Saedon & Muhammad Arifin. (1999). Percukaian tanah menurut perspektif Islam. *Jurnal Syariah*, 7(1), 43-56.
- Mannan, M. A. (2007). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*. Jil. 1 & 2. Terj. Radiah Abdul Kader. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- al-Mawardi. 'Ali ibn Muhammad. (1989). *al-Ahkam al-Sultaniyyah fi al-Wilayat al-Diniyyah*. al-Kuwayt: Maktabat Ibn Taymiyyah.
- Mohd Izhar Ariff Mohd Hashim & Alias Azhar. (2010). Prinsip dan Model Negara Islam: Definisi dan Aplikasinya di Malaysia. *Journal of Governance and Development*. 6, 53-68.
- Mohd Shukri Hanapi & Zahri Hamat. (2017). Perakaunan zakat pertanian di Malaysia: Analisis dari perspektif cendekiawan Islam klasik dan kontemporari. Dlm. *Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia*. Zahari Mahad et. al. (pnyt.) Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohiddin Md Omar. (2013). Isu pentadbiran tanah wakaf dalam konteks KTN 1965 dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan. *Jurnal Pentadbiran Tanah*. 3(1), 25-37.
- al-Mubarakfuri, Safiy al-Rahman. (2011). *al-Rahiq al-Makhtum: Sirah Nabawiyyah S.A.W*. Terj. Muhammad Ramzi Omar. Cet. 6. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- al-Nadawi, Abu Hasan. (1996). *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Jeddah: Dar al-Shuruq.
- Normadiah Daud. (2009). Perbandingan antara sistem cukai kharaj dengan cukai tanah konvensional. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 2, 127-145.
- al-Sharbini, al-Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Siddiqi, S.A. (1982). *Public Finance in Islam*. New Delhi: Adam Publishers.
- Siddiqi, S.A. (1984). Early development of zakat law and ijihad. *J. Res. Islamic Econ*. 2(1), 69-73.
- Syahnaz Sulaiman. (2016). Transformasi Pembangunan Harta Wakaf Menerusi Mekanisme Dana Amanah Hartanah Islam. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.
- Umer, Chapra M. 1983. Monetary policy in an Islamic economy. Dlm. Ahmed, Ziauddin. et. al. (pnyt.). *Money and Banking in Islam*. Islamabad: Institute of Policy Studies.
- Zainol Bidin & Kamil Md. Idris. (2009). Sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *International Journal of Management Studies*. 16(1), 31-55.
- Zulkornain Yusof. (1994). *Percukaian Negara Islam: Perbandingan Percukaian Moden dengan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.